



**MAQASID  
SURAH AL-FATIHAH**

**NOKTAH-NOKTAH MAKRO DALAM SURAH AL-FATIHAH**

*AL-FATIHAH ADALAH AL-QURAN  
YANG AGUNG*

وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ سَبْعًا مِّنَ الْمَثَانِي وَالْقُرْآنَ الْعَظِيمَ

**Maksudnya:** "Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepadamu (wahai Muhammad) tujuh ayat yang diulang-ulang bacaannya dan seluruh al-Quran yang amat besar kemuliaan dan faedahnya." (*Surah al-Hijr: 87*)

# SABDA RASULULLAH SAW

كُنْتُ أَصَلِّي فِي الْمَسْجِدِ، فَدَعَانِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ أُجِبْهُ، فَقُلْتُ:  
يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي كُنْتُ أَصَلِّي، فَقَالَ: أَلمَ يَقُلِ اللَّهُ: {إِسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِرَسُولِ إِذَا  
دَعَاكُمْ لِمَا يُحِيقُّكُمْ} [الأنفال: 24]؟ ثُمَّ قَالَ لِي: لَا أُعْلَمُ مَنْكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ السُّورِ  
فِي الْقُرْآنِ قَبْلَ أَنْ تَخْرُجَ مِنَ الْمَسْجِدِ. ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِي، فَلَمَّا أَرَادَ أَنْ يَخْرُجَ، قُلْتُ لَهُ: أَلمَ  
تَقُلْ: لَا أُعْلَمُ مَنْكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ سُورَةً فِي الْقُرْآنِ؟ قَالَ: (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) هِيَ  
السَّبْعُ الْمَثَابِيَ، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيَتْهُ

Daripada Abu Said bin al-Mu'alla berkata: Rasulullah SAW telah memanggilku ketika aku sedang solat, maka aku tidak menyahutnya. Aku berkata kepada Nabi SAW: Wahai Rasulullah! sesungguhnya aku sedang bersolat. Rasulullah SAW bersabda: "Tidakkah kamu pernah mendengar firman Allah berkaitan tuntutan menyahut panggilan Allah dan juga rasulnya apabila kamu dipanggil." Kemudian Nabi SAW bersabda lagi: "Tidakkah kamu menginginkan untuk aku mengajarkan kepada kami surah yang paling agung di dalam al-Quran sebelum kamu keluar dari masjid ini?" Setelah itu, Nabi SAW memegang tanganku. Apabila kami ingin keluar, aku berkata: Wahai Rasulullah! Sebentar tadi kamu katakan yang kamu akan mengajarkan kepadaku surah yang paling agung di dalam al-Quran. Maka Nabi SAW bersabda:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، هِيَ السَّبُّعُ الْمَثَايِّي، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيَتُهُ

Maksudnya: "Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam (surah al-Fatihah) adalah tujuh ayat yang diulang-ulang bacaannya dan seluruh al-Quran yang amat besar kemuliaannya yang telah diberikan kepadaku." [Riwayat al-Bukhari]

# *IMAM AL-THABARI (TAFSIR AL-THABARI)*



مقاصد التعريف بالله

*Maqasid Mengenal Allah*



مقاصد التعبد

*Maqasid Pengabdian*



مقاصد إنذار بيوم القيمة

*Maqasid Peringatan  
Dengan Hari Kiamat*



مقاصد الهدایة

*Maqasid Hidayah  
& Petunjuk*

# مقاصد التعريف بالله

## Maqasid Mengenal Allah

- Perkara utama yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada umat manusia adalah mengenalkan manusia itu kepada tuhan yang sebenarnya.
- Menafikan berhala yang disembah oleh masyarakat Arab Jahiliyyah.
- Membetulkan kesalahfahaman Kristian terhadap ketuhanan Nabi Isa.
- Allah SWT sendiri telah menyebutkan perihal diri-Nya dalam al-Quran:

◦ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ﴿٤﴾ (سورة الإخلاص)

◦ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ صَدَّقَ عَالَمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾ (سورة الحشر)

## مقاصد إنذار يوم القيمة

### *Maqasid Peringatan Dengan Hari Kiamat*

- Salah satu peringatan yang Allah SWT berikan kepada umat manusia adalah mengetahui tempat terakhir mereka, iaitu di negeri akhirat.
- Manusia beranggapan bahawa kehidupan ini hanya berakhir dengan kematian semata-mata.
- Maka Allah SWT berfirman banyak ayat dalam al-Quran:

مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَخْزَنُونَ ﴿٦٩﴾

*Maksudnya: sesiapa sahaja di antara mereka yang beriman kepada Allah (dan segala RasulNya meliputi Nabi Muhammad saw) dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka tidaklah ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang*

*tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.*

- Terdapat banyak surah-surah dalam al-Quran yang menceritakan berkenaan hari kiamat ini, seperti surah al-Qiyamah, al-Infitar, Surah al-Naba', Surah al-Takwir dan sebagainya.

# مقاصد التعبد Maqasid Pengabdian

- Salah satu daripada agenda yang al-Quran bawakan kepada umat manusia ini adalah menghabarkan mengenai tanggungjawab utama yang wajib dijalani oleh umat manusia, iaitu pengabdian diri hanyalah kepada Allah SWT semata-mata.
- Allah SWT menyebut banyak ayat dalam al-Aquran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.* (Surah al-Zariyat 51;53)

- Mengingatkan kepada umat manusia itu akan bahaya syirik.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwah.* (Surah al-Baqarah 2:21)

# مقاصد الهدایة

## Maqasid Hidayah & Petunjuk

- Segala kemuncak daripada perbincangan di atas adalah menuju kepada satu matlamat, iaitu manusia memperoleh hidayah atau petunjuk daripada Allah SWT.
- Hidayah atau petunjuk adalah syarat kebahagiaan manusia itu mendapat kemenangan di dunia dan di akhirat. Seperti mana yang Allah SWT firmankan dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَةُ ﴿٢٧﴾ ارْجِعِي إِلَى رَبِّكِ رَاضِيَةً مَرْضِيَةً ﴿٢٨﴾ فَادْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَادْخُلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

Maksudnya: (*Setelah menerangkan akibat orang-orang yang tidak menghiraukan akhirat, Tuhan menyatakan bahawa orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan disambut dengan kata-kata*): "Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! "Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu) ! "Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaku yang berbahagia. "Dan masuklah ke dalam SyurgaKu!"

# BAGAIMANAKAH MENCAPAI HIDAYAH?

- Kitab al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW merupakan kitab yang menjadi panduan kepada umat manusia, dan menuntut supaya umay manusia berpegang kepada kedua-dua perkara ini. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada kitab al-Qur'an yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad, SAW) dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu sebelum daripada itu.” [al-Nisa':136]

- Dan sesekali manusia itu tidak akan tersesat daripada jalan yang salah, apabila mengikuti kedua-dua kitab suci ini dengan baik. Rasulullah SAW bersabda:

تَرْكْتُ فِيمْكُمْ أَمْرِيْنِ، لَنْ تَضِلُّوْا مَا تَسْكُنْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ، وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah Nabi-Nya (Sunnah Nabi SAW).” [Riwayat Malik (1594)]

# Contoh-Contoh Golongan Yang Tidak Mendapat Hidayah

﴿٢٦٤﴾ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir. (*Surah al-Baqarah 2:264*)

﴿٢٥٨﴾ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim. (*Surah al-Baqarah 2:258*).

﴿٢٤﴾ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ

Maksudnya: Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka). (*surah al-Taubah 9:24*)

# MAQASID AL-QURAN MENURUT IMAM AL-SAYUTI

## 1) Ilmu Usuluddin:

- - adalah mengenali Allah SWT beserta dengan sifat-sifat-Nya. (Ayat 2 dan 3)
- - Mengetahui mengenai kenabian dan isyaratnya. (Orang yang dikurniakan nikmat ke atas mereka).
- - Mengetahui hari yang dijanjikan dan isyarat-isyaratnya (ayat 4).

## ◦ 2) Pengabdian

## ◦ 3) Ilmu Suluk/Keperibadian:

- Ilmu yang membawa diri kepada adab-adab yang ditunjukkan oleh syariat dan mengikatkan diri seseorang itu kepada Allah SWT (ayat 5 dan 6)
- 4) Ilmu Sejarah: Mengetahui kisah-kisah orang yang terdahulu. (ayat 6-7).